

**BIASISWA KHAS DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**

**PERINGKAT PENGAJIAN** Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (sepanjang masa)

**BIDANG PENGAJIAN** Semua bidang yang diiktiraf oleh kerajaan

**TEMPAT PENGAJIAN** Universiti di Mesir, Jordan, Maghribi dan Universiti Terbaik (top 100) berdasarkan QS World Ranking

**SYARAT AM:**

1. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria seperti berikut:
  - i. Pemohon dan Ibu Bapa merupakan warganegara Malaysia; dan
  - ii. Pemohon, Ibu atau Bapa lahir dan menetap di Negeri Selangor; atau
  - iii. Pemohon telah dan sedang bermastautin lebih sepuluh (10) tahun di Selangor.
2. Pemohon telah mendaftarkan diri bagi pengajian SEPENUH MASA peringkat Ijazah Sarjana Muda / Sarjana / Doktor Falsafah di universiti yang diiktiraf di Mesir, Jordan dan Maghribi.
3. Bukan pelajar semester akhir atau diberikan lanjutan tempoh pengajian.
4. Pendapatan Isi Rumah tidak melebihi RM20,000 sebulan.
5. Pelajar, Ibu, Bapa, ahli keluarga lain tidak di senarai hitam oleh TKWBNS atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak TKWBNS.
6. Pemohon belum menerima sebarang tajaan lain (Biasiswa, Pinjaman atau Dermasiswa) termasuk bagi Ijazah Perubatan, Pergigian dan Veterinar).

**SYARAT KHUSUS:**

**STAM (MESIR - PENGAJIAN ISLAM/ BAHASA ARAB)**

1. Memperolehi pangkat **Mumtaz** di dalam peperiksaan STAM; **DAN**
2. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan **kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Malaysia** dan **LULUS Bahasa Inggeris; SERTA** sekurang-kurangnya **gred B+** bagi mata pelajaran Bahasa Arab.
3. Keutamaan diberikan kepada pemohon:

- a. Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA); **ATAU**
- b. Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama Tahfiz al-Quran (SMATQ); **ATAU**
- c. Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama Turath dan Dakwah (SMATD) atau yang setaraf dengannya; **DAN**
- d. Bagi pelajar STAM 2019 yang telah menduduki Imtihan Qabul dan mencapai keputusan sekurang-kurangnya *Mutawassit Awwal*.

**SPM - (MESIR - ULUM ISLAMIAH)  
(JORDAN - PENGAJIAN ISLAM/BAHASA ARAB)**

1. Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan memperoleh sekurang-kurangnya kepujian **gred A-**, bagi mata pelajaran:
  - a. Kurikulum Bersepadu Dini (al-Lughah al-Arabiah al-Mu`asarah, al-Syariah, Usul al-Din, Manahij al-Ulum al-Islamiah, al-Adab wa al-Balaghah); **ATAU**
  - b. Kurikulum Bersepadu Tahfiz (Hifz al-Quran, Maharat al-Quran, Pendidikan Islam, Bahasa Arab, Pendidikan al-Quran al-Sunnah, Pengajian Syariah Islamiah; **ATAU**
  - c. Bahasa Arab Tinggi, Pengajian Syariah Islamiah, dan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah; **SERTA**
2. Sekurang-kurangnya **gred B** bagi mata pelajaran selebihnya.
3. Keutamaan diberikan kepada pemohon:
  - a. Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA); **ATAU**
  - b. Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama Tahfiz al-Quran (SMATQ); **ATAU**
  - c. Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama Turath dan Dakwah (SMATD) atau yang setaraf dengannya.

## KADAR TAJAAN

Biasiswa penuh yang merangkumi yuran pengajian, tiket penerbangan pergi dan balik, elaun sara hidup, elaun penginapan, elaun buku dan lain-lain elaun.

## TEMPOH TAJAAN

Tajaan adalah bermula daripada tarikh kuatkuasa surat tawaran sehingga tamat pengajian seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran daripada Universiti.

## PROSEDUR PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat melalui dalam talian di laman sesawang <https://danapendidikan.selangor.gov.my/>

1. Pemohon perlu melampirkan **Slip Permohonan** dari Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
2. Pemohon dibenarkan membuat permohonan bagi **satu (1)** negara dan **satu (1)** bidang sahaja.
3. Pemohon yang telah berjaya akan dihubungi untuk ujian bertulis dan temuduga.
4. Sekiranya pemohon tidak mendapat jawapan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh tutup, permohonan anda dianggap **TIDAK BERJAYA**.

**BIASISWA KHAS DYMM SULTAN SELANGOR**

**PERINGKAT PENGAJIAN** Sekolah Menengah sehingga Ijazah Pertama

**BIDANG PENGAJIAN** Semua bidang yang diiktiraf oleh kerajaan

**TEMPAT PENGAJIAN** Sekolah Menengah : Sekolah Sultan Alam Shah  
Ijazah Pertama : Dalam dan Luar Negara

Biasiswa DYMM Sultan Selangor merupakan satu biasiswa yang diwujudkan khas dengan titah DYMM Sultan Selangor di mana seorang pelajar dari Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya akan dipilih sebagai penerima pada setiap tahun.

Penerima Biasiswa DYMM Sultan Selangor akan menerima elaun sara diri sepanjang pengajian di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya dan ditaja sepenuhnya untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda pertama sama ada di dalam atau luar negara.

Pemilihan calon dibuat oleh pihak sekolah tersebut dengan pertimbangan kelulusan oleh Lembaga TKWBNS. Pemilihan calon adalah berdasarkan kecemerlangan akademik dan latar belakang pelajar. Sehingga kini, lima orang pelajar sekolah ini telah ditaja di bawah program ini.

**BIASISWA KHAS SELANGOR BITARA**

**PERINGKAT PENGAJIAN** Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PhD

**BIDANG PENGAJIAN** Skop Smart Selangor Governance Energy And Utility Water Management Waste Management Building And Housing Transport And Mobility Safety And Security Healthcare Disaster Management Food And Agriculture Education Bidang Berkaitan Human & Social Development Culture & Heritage Manufacturing Environment Business Retail Commercial Technology Communication Islamic Affairs

**TEMPAT PENGAJIAN** 100 Universiti terkemuka luar negara

**SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN:**

1. Pemohon dan ibu bapa merupakan warganegara Malaysia.
2. Pemohon atau ibu atau bapa lahir di Selangor atau pemohon telah bermastautin di Selangor melebihi 10 tahun.
3. Permohonan ini adalah terbuka kepada penjawat awam dan orang awam.
4. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tahun memulakan pengajian.
5. Memiliki Asasi / Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau yang setaraf dengannya.
6. Telah mendapat tempat pengajian di 100 universiti terkemuka luar negara dalam bidang yang dipohon (mengikut *Ranking by Subject* 2020 Times Higher Education atau QS World University Ranking).
7. Mengikuti pengajian secara sepenuh masa.
8. Telah mengambil ujian Bahasa Inggeris dengan markah minimum iaitu: IELTS (6.0)/ TOEFL (550).
9. Keutamaan diberikan kepada calon yang mahir dalam lebih daripada satu bahasa antarabangsa.
10. Keutamaan diberikan kepada calon yang aktif dalam kegiatan ko-kurikulum atau aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif.

11. Pemohon hendaklah menyertakan salinan '*Research Proposal*' yang telah diterima oleh Universiti bersama-sama dengan borang permohonan. '*Research Proposal*' hendaklah menyumbang kepada pembangunan Negeri Selangor.
12. Pemohon tidak menerima pembiayaan pengajian daripada mana-mana pihak lain.
13. Sihat tubuh badan.
14. Tidak mempunyai masalah keberhutangan serius atau muflis serta tidak terlibat dalam sebarang prosiding jenayah.
15. Tidak disenarai hitam oleh mana-mana agensi Kerajaan.

#### **KATEGORI PEMOHON:**

##### **Penjawat Awam**

- i. Berstatus tetap atau kontrak serta sedang dan telah berkhidmat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun pada tarikh tutup permohonan.
- ii. Permohonan perlu dikemukakan melalui Ketua Jabatan dan tertakluk kepada peraturan-peraturan perkhidmatan awam yang sedang berkuatkuasa.

##### **Orang Awam**

- i. Sedar dan telah berkhidmat di sektor swasta di Negeri Selangor sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun pada tarikh tutup permohonan.
- ii. Pemohon hendaklah mengemukakan surat pengesahan majikan. Sekiranya berjaya menerima tawaran, pemohon perlu mendapatkan surat pelepasan daripada majikan.

## LAMPIRAN D

### **BIASISWA KHAS SAGONG TASI PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI**

**PERINGKAT PENGAJIAN** Diploma dan Ijazah Sarjana Muda

**BIDANG PENGAJIAN** Semua bidang yang diiktiraf oleh kerajaan

**TEMPAT PENGAJIAN** Universiti Teknologi Mara (Shah Alam, Puncak Alam, Puncak Perdana dan Sungai Buloh), Universiti Islam Antarabangsa (Gombak), Universiti Kebangsaan Malaysia (Bangi), Universiti Putra Malaysia (Serdang), Universiti Selangor (UNISEL), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), dan Kolej Antarabangsa INPENS.

| <b>SYARAT PERMOHONAN</b>   | <b>KETERANGAN</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|----------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Kelahiran</b>           | Pemohon dan Ibu Bapa merupakan <b>WARGANEGARA Malaysia; dan</b><br><b>Pemohon mestilah ditakrifkan sebagai Orang Asli mengikut Akta 134 – Akta Orang Asli Tahun 1954; dan</b><br>Pemohon <b>lahir di Negeri Selangor</b> ; atau<br>Ibu atau Bapa lahir di Negeri Selangor; atau<br>Pemohon telah <b>bermastautin lebih dari sepuluh (10) tahun di Negeri Selangor</b> dengan pengesahan daripada ADUN/ Penghulu/ Pengerusi JKKK/ Ketua Kampung. |
| <b>Peringkat Pengajian</b> | Pemohon telah mendaftar pengajian <b>DIPLOMA</b> atau <b>IJAZAH SARJANA MUDA</b> secara <b>SEPENUH MASA</b> di IPT berkenaan<br>( <i>pengajian secara jarak jauh (PJJ)/ luar kampus (PLK) tidak layak memohon</i> )                                                                                                                                                                                                                             |
| <b>Penajaan</b>            | Pemohon yang <b>BELUM MENERIMA SEBARANG PINJAMAN/ BIASISWA/ BANTUAN KEWANGAN</b> dari lain-lain penaja                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |

|                            |                                                                                          |
|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pencapaian Akademik</b> | Pemohon yang memperoleh pencapaian akademik yang baik akan diberi keutamaan              |
| <b>Tahun Pengajian</b>     | Pemohon <b>BUKAN PELAJAR TAHUN AKHIR PENGAJIAN</b> / diberi tempoh pelanjutan pengajian. |

### **BIASISWA KHAS SAGONG TASI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH**

**PERINGKAT PENGAJIAN** Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 6

#### **SYARAT-SYARAT KELAYAKAT PERMOHONAN**

Biasiswa Sagong Tasi merupakan biasiswa khas untuk **pelajar Orang Asli** yang menuntut di sekolah menengah di Negeri Selangor. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

| <b>SYARAT PERMOHONAN</b>   | <b>KETERANGAN</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>KELAHIRAN</b>           | Pemohon dan Ibu Bapa merupakan WARGANEGARA Malaysia; dan <b>Pemohon mestilah ditakrifkan sebagai Orang Asli mengikut Akta 134 – Akta Orang Asli Tahun 1954; dan</b><br>Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau<br>Ibu atau Bapa lahir di Negeri Selangor; atau<br>Pemohon telah bermastautin lebih dari sepuluh (10) tahun di Negeri Selangor dengan pengesahan daripada ADUN/ Penghulu/ Pengerusi JKKK/ Ketua Kampung. |
| <b>PERINGKAT PENGAJIAN</b> | Pemohon sedang menuntut di peringkat sekolah menengah (Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 6) di Negeri Selangor.                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| <b>PENAJAAN</b>            | Pemohon yang BELUM MENERIMA SEBARANG PINJAMAN/ BIASISWA/ BANTUAN KEWANGAN dari lain-lain penaja                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <b>PENCAPAIAN AKADEMIK</b> | Pemohon yang memperoleh pencapaian akademik yang baik akan diberi keutamaan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |

**PROGRAM HUFFAZ PROFESIONAL**

**PERINGKAT PENGAJIAN** Diploma dan Ijazah Sarjana Muda

**BIDANG PENGAJIAN** Kejuruteraan, Perakaunan dan Sains Komputer

**TEMPAT PENGAJIAN** Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Mara (Uitm), Universiti Malaya (UM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor(KUIS)

**SYARAT AM:**

1. Pemohon dan ibu dan bapa merupakan warganegara Malaysia; **DAN**
2. Pemohon, ibu atau bapa lahir di Selangor; atau
3. Pemohon telah dan sedang bermastautin lebih dari sepuluh (10) tahun di Selangor; (**KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK SELANGOR**)
4. Telah mendaftarkan diri bagi pengajian sepenuh masa di peringkat Diploma & Ijazah Sarjana Muda
5. Sedang mengikuti pengajian di 5 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terpilih, iaitu di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia(UIAM), Universiti Teknologi Mara (UITM), Universiti Malaya (UM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) secara **SEPENUH MASA**.
6. Pemohon bukan pelajar tahun akhir pengajian atau diberikan lanjutan tempoh pengajian.
7. Pemohon belum menerima sebarang tajaan lain (Biasiswa, Pinjaman atau Dermasiswa) termasuk bagi Ijazah Perubatan, Pergigian dan Veterinar)
8. Pendapatan isi rumah (Ibu dan Bapa) hendaklah **tidak melebihi RM 20,000.00 sebulan (gaji pokok)**.
9. Pemohon merupakan lepasan 5 Maahad Integrasi Tahfiz Negeri Selangor (MITS) di bawah JAIS dan berjaya menamatkan hafazan 30 Juzuk Al-Quran.

**PROGRAM KHAS KAKITANGAN AWAM NEGERI SELANGOR**

**PERINGKAT PENGAJIAN** Sarjana Muda, Sarjana dan PhD (separuh masa)

**BIDANG PENGAJIAN** Semua bidang

**TEMPAT PENGAJIAN** IPTA dan IPTS dalam negara

**SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN**

Pemohon mestilah terdiri daripada pegawai/kakitangan awam **LANTIKAN NEGERI & GUNASAMA** yang berkhidmat di Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri Selangor yang berpontensi dan berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Lanjutan dengan memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:-

- Pemohon merupakan pegawai / Kakitangan Kerajaan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri Selangor bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) Gunasama yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap atau Kumpulan Pengurusan Profesional (P&P) Lantikan Negeri Contract of Service atau
- Pemohon merupakan pegawai Kumpulan Pelaksana Gred 29 sehingga 40 Lantikan Negeri di Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri Selangor dalam semua skim perkhidmatan yang berjawatan **tetap** sahaja
- **Tempoh Berkhidmat (Kontrak)** - Pemohon telah berkhidmat minimum 5 tahun di bawah Pentadbiran SUK Selangor dan mempunyai baki perkhidmatan sekurang-kurangnya 12 bulan daripada tarikh permohonan
- **Tempoh Berkhidmat (Tetap)** - Pemohon telah berkhidmat minimum 3 tahun di bawah Pentadbiran SUK Selangor bagi pemohon berjawatan tetap
- Pemohon telah disahkan dalam jawatan
- Pemohon bersih daripada pertuduhan dan tindakan tatatertib
- Pemohon mempunyai Laporan Nilai Prestasi Tahunan(LNPT) yang cemerlang (purata 85% markah minimum untuk tiga (3) tahun berturut- turut)

- Pemohon telah menerima tawaran untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma Lepas Ijazah/ Sarjana (Master)/ Doktor Falsafah (Ph.D) secara sambilan di IPTA/ IPTS tempatan
- Pemohon tidak mengikuti pengajian di peringkat yang sama atau lebih rendah daripada kelayakan yang sedia ada dimiliki
- Pemohon telah memperolehi pencapaian akademik yang baik di peringkat kelulusan tertinggi seperti berikut :
- **Kumpulan P&P : Minimum CGPA 2.75 bagi Ijazah Sarjana Muda dan**
- **Kumpulan Pelaksana : Minimum CGPA 2.75 bagi Diploma/ kelayakan yang setaraf**
- Had umur, tempoh penajaan dan tempoh kontrak bagi Program Khas Kakitangan Awam adalah seperti berikut :-

| PERINGKAT PENGAJIAN | HAD UMUR  | TEMPOH<br>TAJAJAN<br>(TAHUN) | TEMPOH IKATAN<br>KONTRAK (TAHUN) |
|---------------------|-----------|------------------------------|----------------------------------|
| <b>SARJANA MUDA</b> | <b>50</b> | <b>4</b>                     | <b>3</b>                         |
| <b>SARJANA</b>      | <b>50</b> | <b>1-3</b>                   | <b>5</b>                         |
| <b>PHD</b>          | <b>45</b> | <b>3-5</b>                   | <b>7</b>                         |

### **PROGRAM KHAS KAKITANGAN AWAM NEGERI SELANGOR (KURSUS PROFESIONAL)**

#### **SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN:**

- Pemohon merupakan pegawai di Jabatan / Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri Selangor bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dalam semua skim perkhidmatan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan secara tetap
- Pemohon telah berkhidmat minimum 5 tahun di bawah Pentadbiran SUK Selangor;

- Pemohon perlu melengkapkan kursus dengan keputusan cemerlang dan sekiranya gagal menamatkan pengajian, pegawai perlu membayar semua jumlah pinjaman
- Pemohon yang merupakan Kumpulan Pengurusan dan Profesional **lantikan negeri** boleh ditawarkan **Pinjaman Boleh Ubah** manakala pemohon yang merupakan pegawai **lantikan Persekutuan** akan diberikan **Pinjaman**
- Pemohon telah disahkan dalam jawatan;
- Pemohon bersih daripada pertuduhan dan tindakan tatatertib
- Pemohon mempunyai Laporan Nilai Prestasi Tahunan(LNPT) yang cemerlang (purata 85% markah minimum untuk tiga (3) tahun berturut- turut)
- Pemohon telah menerima tawaran untuk mengikuti pengajian **Kursus Professional** secara sambilan di IPTA/ IPTS tempatan; dan
- Pemohon tidak mengikuti pengajian di peringkat yang sama atau lebih rendah daripada kelayakan yang sedia ada dimiliki
- Bidang pengajian adalah berkaitan dengan tugas pemohon dan dianggap perlu atas dasar kepentingan perkhidmatan serta diluluskan oleh Ketua Jabatan;
- Pemohon belum/ tiada menerima sebarang bentuk penajaan daripada lain lain penaja;
- Pemohon telah memperolehi pencapaian akademik yang baik di peringkat Ijazah Pertama dengan PNGK/ CGPA sekurang-kurangnya 2.50

#### **BIDANG PENGAJIAN:**

Berikut merupakan antara senarai kursus professional yang akan diberi tajaan di bawah program Kursus Profesional :

- ACCA (Chartered Association of Certified Accountants Foundation Stage + Certificate Stage + Professional Stage
- AIA (Association of International Accountants Foundation + Professional 1 + Professional 2
- CIMA (Chartered Institute of Management Accountants Foundation Level + Intermediate Level + Final Level
- CIFP (Chartered Islamic Finance Professional) International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- CFA (Chartered Financial Analyst)

- vi. CLP (Certified of Legal Practice) / Sijil Amalan Guaman
- vii. CIA (Certified Internal Auditor)
- viii. CPA (Certified Public Accountants)
- ix. ICSA (Institute of Chartered Secretaries & Administration)
- x. Associateship of The Malaysian Insurance Institute (AMII)
- xi. Malaysian Institute of Accountants Qualifying Examination (MIA QE)
- xii. International Certificate in Risk Management (CIRM) oleh The Malaysian Insurance Institute (MII)

**\*Pemohon boleh mengemukakan permohonan bagi kursus-kursus selain daripada yang disenaraikan, dan kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan oleh Lembaga**

**PINJAMAN BOLEH UBAH DALAM NEGARA (PBUDN)**

**PERINGKAT PENGAJIAN** Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda (sepenuh masa)

**BIDANG PENGAJIAN** Semua bidang yang diiktiraf oleh kerajaan

**TEMPAT PENGAJIAN** IPTA Malaysia dan IPTS (Selangor dan Kuala Lumpur)

**SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

**SYARAT AM:**

1. Pemohon dan ibu dan bapa merupakan warganegara Malaysia; **DAN**
2. Pemohon, ibu atau bapa lahir di Selangor; atau
3. Pemohon telah dan sedang bermastautin lebih dari sepuluh (10) tahun di Selangor;  
**(KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK SELANGOR)**
4. Telah mendaftarkan diri bagi pengajian sepenuh masa di peringkat Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Perubatan.
5. Sedang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh Malaysia atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam **Negeri Selangor dan Kuala Lumpur** yang diiktiraf oleh Kerajaan secara **SEPENUH MASA**.
6. Pemohon bukan pelajar tahun akhir pengajian atau diberikan lanjutan tempoh pengajian.
7. Pemohon belum menerima sebarang tajaan lain (Biasiswa, Pinjaman atau Dermasiswa) termasuk bagi Ijazah Perubatan, Pergigian dan Veterinar)
8. Pendapatan isi rumah (Ibu dan Bapa) hendaklah **tidak melebihi RM 20,000.00 sebulan (gaji pokok)**.
9. Sila sertakan **SALINAN SIJIL LAHIR PEMOHON, SALINAN MY KAD PEMOHON, BAPA DAN IBU, SALINAN SIJIL BERHENTI SEKOLAH (RENDAH DAN MENENGAH), SALINAN KEPUTUSAN SPM/ STPM/ STAM/ MATRIKULASI/ ASASI/ DIPLOMA** (mana yang berkaitan).
10. **SALINAN SLIP GAJI TERKINI** (ibu dan bapa/penjaga), **PESARA** sila keipilkan **SALINAN PENYATA PENCEN BULANAN** atau jika **BEKERJA SENDIRI/TIDAK BEKERJA/SURI RUMAH** sila dapatkan **PENGESAHAN**

**PENDAPATAN** (Disahkan oleh Ketua Kampung/ ADUN/ Penghulu/Pengerusi Taman / Penghulu Mukim / Ketua Blok **SAHAJA**)

11. Bagi pemohon dan ibubapa yang tidak lahir di Negeri Selangor perlu mengemukakan **PENGESAHAN MASTAUTIN** yang disahkan oleh Ketua Kampung/ ADUN/ Penghulu/Pengerusi Taman / Penghulu Mukim / Ketua Blok **SAHAJA**)
12. Salinan Surat Kematian dan Surat Berceraai (**jika berkaitan**)
13. Permohonan yang **TIDAK LENGKAP** atau **TIDAK LENGKAP DISERTAKAN DOKUMEN** yang diperlukan akan **DITOLAK**. Dokumen yang dicetak tidak perlu dihantar.
14. Pemohon hendaklah membuat semakan secara talian / online dalam tempoh **DUA MINGGU** selepas **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**.

#### **SYARAT AKADEMIK:**

##### **i. Sijil**

- Memperolehi sekurang-kurangnya tiga (3) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran SPM (bidang dan teknikal).
- Memperolehi sekurang-kurangnya empat (4) kepujian dalam mana-mana pelajaran di peringkat SPM (IPTA).

##### **ii. Diploma**

- Memperoleh sekurang-kurangnya lima (5) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat SPM; atau
- Memperoleh kelayakan Sijil dengan kelulusan PNGK/ CGPA 2.50 ke atas.

##### **iii. Ijazah Sarjana Muda**

- Memperoleh kelayakan Sijil Tahun Asas / Pra-Ijazah / Matrikulasi / Diploma dengan kelulusan PNGK / CGPA 2.50 ke atas; atau
- Memperoleh sekurang-kurangnya empat (4) Gred C dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat STPM; atau
- Memperoleh sekurang-kurangnya lima (5) kelulusan (jayyid) dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat STAM.

##### **iv. Ijazah Perubatan**

- Sedang mengikuti Ijazah Perubatan dan Pembedahan / Pergigian di Universiti Awam yang disenaraikan.

**PINJAMAN BOLEH UBAH LUAR NEGARA (PBULN)**

**PERINGKAT PENGAJIAN** Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (sepenuh masa)

**BIDANG PENGAJIAN** Semua bidang yang diiktiraf oleh kerajaan

**TEMPAT PENGAJIAN** Universiti di Mesir, Jordan dan Maghribi dan Universiti Terbaik (top 100) berdasarkan QS World Ranking

**SYARAT - SYARAT PERMOHONAN**

**SYARAT AM:**

1. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria seperti berikut:
  - i. Pemohon dan Ibu Bapa merupakan warganegara Malaysia; dan
  - ii. Pemohon, Ibu atau Bapa lahir dan menetap di Negeri Selangor; atau
  - iii. Pemohon telah dan sedang bermastautin lebih dari sepuluh (10) tahun di Selangor.
2. Pemohon telah mendaftarkan diri bagi pengajian SEPENUH MASA peringkat Ijazah Sarjana Muda / Sarjana / Doktor Falsafah di universiti yang diiktiraf di Mesir, Jordan dan Maghribi;
3. Bukan pelajar semester akhir atau diberikan lanjutan tempoh Pengajian;
4. Pendapatan Isi Rumah tidak melebihi RM20,000 sebulan;
5. Pelajar, Ibu, Bapa, ahli keluarga lain tidak di senarai hitam oleh TKWBNS atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak TKWBNS; dan
6. Pemohon belum menerima sebarang tajaan lain (Biasiswa, Pinjaman atau Dermasiswa) termasuk bagi Ijazah Perubatan, Pergigian dan Veterinar).

**Syarat Akademik**

- i. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu; dan
- ii. Telah mendapat keputusan sekurang-kurangnya JAYYID (GOOD) dalam peperiksaan terkini bagi pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda; atau
- iii. Memperoleh sekurang-kurangnya lima (5) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat SPM selain mata pelajaran dinyatakan di (i); atau

- iv. Memperoleh sekurang-kurangnya empat (4) Gred C dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat STPM; atau
- v. Memperoleh sekurang-kurangnya lima (5) kelulusan (Jayyid) dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat STAM.

#### **JUMLAH PEMBIAYAAN**

| <b>Negara</b>          | <b>Peringkat Pengajian</b>                                         | <b>Jumlah</b>           |
|------------------------|--------------------------------------------------------------------|-------------------------|
| <b>Mesir</b>           | Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam/Arab dan sebagainya            | <b>RM 6,500 setahun</b> |
|                        | Ijazah Perubatan/Pergigian                                         | <b>RM15,000 setahun</b> |
|                        | Ijazah Sarjana Pengajian Islam/Arab dan sebagainya RM9,600 Setahun | <b>RM 9,600 setahun</b> |
|                        | *Tidak Dibuka Untuk Peringkat Doktor Falsafah                      |                         |
| <b>Jordan/Maghribi</b> | Untuk Semua Peringkat Pengajian                                    | <b>RM15,000 setahun</b> |

#### **TEMPOH PEMBIAYAAN**

Pembiayaan adalah bermula daripada tarikh kuat kuasa surat tawaran TKWBNS sehingga tamat pengajian seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran daripada Universiti.

#### **PENGURANGAN BAYARAN BALIK**

Pembiayaan yang diberikan dalam bentuk Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah akan diberikan pengurangan bayaran balik berdasarkan keputusan terakhir peperiksaan dan dasar semasa TKWBNS.

#### **PROSEDUR PERMOHONAN**

Permohonan adalah secara dalam talian sahaja. Sila layari laman sesawang di <https://danapendidikan.selangor.gov.my> di bawah kategori Permohonan Pinjaman Boleh Ubah Luar Negara.

- Permohonan yang berjaya sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.
- Pemohon yang berjaya di dalam sesi temuduga sahaja akan ditawarkan Pinjaman Boleh Ubah Luar Negara.
- Panggilan sesi temuduga dan keputusan permohonan perlu disemak melalui laman web rasmi di <https://danapendidikan.selangor.gov.my>